

Soalan No: 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Agama Islam di kawasan Parlimen Kudat memandangkan masalah ini sering disuarakan oleh masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Said masih mampu menampung keperluan masyarakat daerah Kudat. Pada masa ini, enrolmen murid SMKA Tun Said adalah seramai 422 orang berbanding kapasiti sebenar sekolah sebanyak 500 orang. Berdasarkan data permohonan calon SMKA ke tingkatan satu tahun 2017, murid daerah Kudat yang memohon ialah seramai 73 orang dan hanya 8 orang calon yang menerima tawaran. Walau bagaimanapun KPM akan mengkaji keperluan sekolah menengah agama baharu pada masa hadapan berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan kelulusan agensi pusat.

RJM15